

Mulakan perniagaan berdasarkan kemahiran

SEJAK dari bangku sekolah lagi saya sudah aktif mengikut emak pergi bermula. Ketika itu tidak pernah terlintas langsung untuk mencebur ke bidang perniagaan apabila besar nanti. Minat ini datang secara semula jadi. Ketika emak saya membuka spa kecantikan membuatkan saya lebih banyak belajar tentang menguruskan perniagaan, belajar berkaitan komunikasi dan lain-lain. Selepas itu saya mencuba untuk bermula sendiri ketika belajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan lama-kelamaan ia menjadi serius dan kini saya merupakan pemilik Ros Ila Family Enterprise. Sekarang saya fokus dalam perniagaan perkhidmatan personelekan, menjual produk kecantikan iaitu produk Secret Leaf dan The Face Base serta pakaian. Alhamdulillah, saya mendapat peluang ke udara secara langsung setiap bulan di TV Al-Hijrah untuk produk Secret Leaf.

● Bermula daripada pengalaman yang sedikit.

Bermula dengan secebis kemahiran untuk menjadi seorang usahawan dahulu, saya teruskan untuk mencari duit poket ketika belajar. Modal yang tidak mencukupi membuatkan saya berfikir untuk memilih perniagaan berkaitan dengan kemahiran. Kemahiran yang saya ada ketika itu ialah menyolek. Maka berbekalkan barang solekan, saya beranikan diri untuk mengiklan dan menyolek pelanggan di sekitar UPM sahaja. Syukur ketika itu saya banyak menerima kontrak menyolek untuk majlis makan malam pelajar, majlis anugerah dekan dan felo kolej. Setiap kali dapat panggilan untuk menyolek pelanggan, saya akan bawa beg solekan kecil yang hanya ada 10 barang, kemudian saya akan pergi ke bilik mereka dengan menaiki motosikal. Siapa sangka selepas itu saya diterima menyolek model untuk butik, model untuk pertunjukan fesyen di TV9, model dan usahawan untuk majalah, pengantin serta sekarang mendapat kontrak menyolek untuk rancangan di pentas TV Al-Hijrah pula.

● Usahawan perlu positif.

Mahu bermula memang perlukan keberanian. Jika tidak berani dan asyik malu, kita tidak akan ke mana. Apatah lagi apabila kita perlu berhadapan dengan orang ramai dan usahawan besar. Kita perlu sentiasa belajar cara-cara untuk membina keyakinan diri dan berkomunikasi. Cara komunikasi dengan pelanggan adalah berbeza dengan cara komunikasi dengan usahawan lain. Perlahan-lahan belajar cara untuk berkomunikasi, lama-kelamaan kita akan tahu. Ujian dalam perniagaan ini

GRADUAN USAHAWAN

ROSILAWATI KARIM

sangat banyak dan setiap orang perlulah sentiasa positif dan memotivasi diri sendiri supaya kekal bersemangat setiap hari. Pemikiran kita melambangkan kejayaan kita. Sentiasalah bergaul dengan orang yang positif dan membaca buku motivasi. Dari situ kita akan belajar untuk memperbaiki diri dan sentiasa berfikiran positif.

● Kuasai perniagaan di dalam dan bukan dalam talian.

Usahawan bijak ialah yang mahu belajar sesuatu yang baharu. Dunia sekarang makin maju dan sudah ada pelbagai seminar seperti pemasaran, pengurusan syarikat, pengurusan kewangan dan lain-lain. Usahawan perlu rajin menghadiri seminar-seminar ini untuk tingkatkan ilmu dan yang paling penting, selepas menghadiri seminar tersebut, kena disusuli dengan tindakan. Jika tidak bertindak dengan cepat kita akan rugi. Sebelum ini saya lebih fokus kepada perniagaan bukan dalam talian, tetapi selepas adanya fenomena perniagaan dalam talian, saya terus mencuba dan belajar perlahan-lahan untuk menguasainya. Sebenarnya daripada program TRADEC'14, UPM banyak mendedahkan saya dengan dunia perniagaan dalam talian serta meningkatkan keyakinan diri.

Sekarang saya lakukan perniagaan secara dalam talian di Facebook Rosilawati Karim. Mentor saya pernah berkata: "Jangan hanya fokus kepada perniagaan dalam talian kerana usahawan yang bijak perlu rebut peluang untuk lakukan perniagaan secara dalam dan bukan talian."

● Perniagaan satu terapi.

Ramai yang bertanya, "Tidak penatkah melakukan perniagaan, selain perkhidmatan personelekan?" Sebenarnya jika kita minat dengan apa yang kita lakukan, kita akan lupa istilah penat malahan akan rasa lagi seronok. Ia adalah satu kepuasan bila dapat membantu pelanggan menyelesaikan masalah. Ia seolah-olah seperti terapi diri. Demam pun boleh hilang jika kita fokus dan lakukan perniagaan dengan penuh minat dan kesungguhan. Insya-Allah.

● Berdakwah melalui perniagaan.

Darah muda selalunya bermula kerana duit semata-mata. Sebenarnya di dalam dunia perniagaan ini, apa yang kita lakukan adalah untuk mencari keredaan Allah. Allah adalah pemberi rezeki. Kita nak rezeki yang kita dapat ini diberi Allah selalu. Semoga perkongsian ini sedikit sebanyak dapat memberi inspirasi dan semangat kepada para usahawan dalam kalangan pelajar untuk lebih berjaya.

ROSILAWATI KARIM adalah pelajar tahun akhir Sarjana Sains, Fakulti Pertanian di Universiti Putra Malaysia